

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH  
Tajuk : SEMBAH UCAPAN MAJLIS MAKAN MALAM DIRAJA  
Lokasi : SUNWAY RESORT HOTEL & SPA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 03-08-2007

BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN.

1. MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA JAJAHAN TAKLUKNYA.

AMPUN TUANKU,

2. PATIK, BAGI PIHAK SELURUH PESERTA PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL-WAKIL RAKYAT SE MALAYSIA 2007 YANG HADIR PADA MALAM INI, PATIK MENJUNJUNG JUTAAN KASIH DI ATAS PERKENAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU MENCEMAR DULI BERANGKAT HADIR BAGI MENERIMA PATIK-PATIK SEKALIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM DIRAJA PADA MALAM YANG GEMILANG INI.

3. KESUDIAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU MENERIMA PATIK-PATIK DI MALAM INI MENUNJUKKAN SIKAP PRIHATIN TUANKU BUKAN SAHAJA TERHADAP RAKYAT JELATA TETAPI JUGA TERHADAP ISTERI PARA PEMIMPIN NEGERI DAN NEGARA.

4. PATIK SEKALIAN BERASA BERBESAR HATI DAN TERHARU BILA DIMAKLUMKAN BAHAWASA-NYA DULI YANG MAHA MULIA TUANKU AMAT MENGAMBIL BERAT DAN MENGIKUTI PERKEMBANGAN SEMUA ACARA DI DALAM PROGRAM PATIK-PATIK SEKALIAN INI.

5. SESUNGGUHNYA NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SEMEMANGNYA AMAT BERTUAH DI BAWAH LINDUNGAN TEDUHAN PAYUNG MAHKOTA SEORANG RAJA YANG BUKAN SAHAJA TAMPAN TETAPI JUGA BEGITU MESRA DAN BERILMU TINGGI. PATIK SEKELIAN MENADAH DOA KE HADRAT ILAHI SEMOGA DULI TUANKU SENTIASA DIBERKATI DENGAN KEBAHAGIAAN BERSEMAYAM DI SINGGAH-SANA MEMERINTAH NEGERI DENGAN SEGALA KEMULIAAN.

6. INSYA-ALLAH PATIK SEKALIAN AKAN MENJALANKAN PERANAN MASING-MASING SEBAGAI ISTERI PEMIMPIN DAN AKAN TERUS MELAKSANAKAN AMANAH BUKAN SAHAJA UNTUK SUAMI DAN KELUARGA TETAPI JUGA UNTUK RAKYAT JELATA TANPA MENGIRA KAUM, BANGSA MAHUPUN AGAMA. SESUNGGUHNYA TANGGUNGJAWAB YANG BERAT INI SUDAH PASTI AKAN MENJADI RINGAN DAN MUDAH APABILA MENDAPAT PERHATIAN DAN SOKONGAN DARIPADA PELBAGAI PIHAK.

AMPUN TUANKU BERIBU AMPUN

SEMBAH PATIK POHON DI AMPUN

7. DEMIKIANLAH DAHULU SEMBAH UCAPAN PATIK. BAGI PIHAK SELURUH PESERTA PROGRAM INI, SEKALI LAGI PATIK MENJUNJUNG KASIH DI ATAS PERKENAN DULI TUANKU MENCEMAR DULI BERANGKAT UNTUK BERSAMA-SAMA PATIK-PATIK SEKALIAN HADIR KE MAJLIS INI.

PATIK MOHON DENGAN SEGALA KERENDAHAN PATIK MERAFAK SEMBAH MENYUSUN SEPULUH JARI,

MENGATUR TUTUR KATA

JIKA IA TIADA TERTIB,

PATIK POHONKAN KEAMPUNAN

JIKA IA TIADA HEMAH,

PATIK POHONKAN PETUNJUK

JIKA IA TIADA KEUPAYAAN,

PATIK POHONKAN KEEHSANAN

8. AKHIR KATA PATIK DAN SELURUH RAKYAT JELATA MENADAH TANGAN MEMOHON DARI ILAHI AGAR DULI YANG MAHA MULIA TUANKU, DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA, ANAKANDA-ANAKANDA TUANKU DAN KERABAT DIRAJA SEKELIAN SENTIASA BERADA DI DALAM PERLINDUNGANNYA JUA.

AMPUN TUANKU.

WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKAUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.